



**PENYELIAAN BERJADUAL DAN BERFOKUS MEMBANTU
MEMPERTINGKATKAN MUTU PENGAJARAN SAINS TAHUN TIGA
DI 20 BUAH SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SEMBILAN PADA
TAHUN 2005**

Mohd. Saleh bin Ismail KB:PA

**SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus**

ABSTRAK

Sebagai pegawai yang bertanggungjawab di dalam proses pembangunan pengajaran dan pembelajaran guru-guru sains sekolah rendah di Negeri Sembilan, maka satu penyeliaan yang berjadual dan berfokus telah dijalankan terhadap 20 buah sekolah rendah yang dipilih secara rawak. Penyelidikan yang berbentuk kajian tindakan ini dilakukan dari bulan Februari 2005 hingga Oktober 2005 terhadap 20 orang guru sains Tahun Tiga di 20 buah sekolah rendah di Negeri Sembilan. Kajian ini ingin melihat apakah melalui penyeliaan yang berjadual dan berfokus ini maka guru-guru berkenaan akan dapat menyempurnakan tugas dan tanggungjawab mereka selaras dengan matlamat pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (ETeMS) mulai tahun 2003. Hasil kajian mendapati wujudnya perubahan yang agak baik dari segi perspektif guru, keyakinan diri dan kebolehan menyampaikan isi pelajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kertas ini merumuskan bahawa melalui penyeliaan yang berjadual dan berfokus maka ia dapat membantu mempertingkatkan mutu pengajaran sains Tahun Tiga di 20 buah sekolah rendah di Negeri Sembilan pada tahun 2005.

1.0 PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu tindakan bersama di antara guru dan murid. Menurut Wan Mohd. Zahid (1996), mutu proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan lain sebenarnya merupakan sebuah kuasa utuh dan mempunyai pengaruh yang signifikan dalam menentukan tahap kemajuan masyarakat dan negara pada tahun-tahun yang mendatang. Pada masa yang sama beliau juga menjelaskan bahawa sekolah dan institusi pendidikan yang lain sebenarnya menjadi tunggak kepada pembangunan tenaga manusia.

Jika itu senarionya maka secara asasnya apa yang berlaku di sekolah adalah 'guru mengajar dan murid belajar'. Proses penyampaian dan penerimaan ilmu itu dijalankan secara langsung sama ada di dalam bilik atau di luar bilik darjah melalui perancangan rapi guru sebelum proses berkenaan dijalankan. Kita perlu sedar bahawa proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan pelbagai teknik yang mana jika diteliti ia banyak bergantung kepada beberapa faktor seperti persediaan pelajar, tahap pencapaian sedia ada, pengetahuan lepas pelajar, bahan sumber dan kesesuaian masa serta tempat. Menurut Wan Mohd. Zahid (1996), tidak ada satu pendekatan dan kaedah yang dapat dilabelkan sebagai

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa pengetahuan sahaja sebenarnya tidak cukup untuk menjadi bekalan kepada seseorang guru itu di dalam menyedia dan selanjutnya menyampaikan isi pelajaran kepada anak muridnya. Pengetahuan itu perlu bagi menambahkan keyakinan awal tetapi latihan, penambahbaikan dari segi ilmu sedia ada, kecenderungan untuk memperbaiki mutu pelajaran, menambah pengetahuan akademik di dalam bahasa Inggeris serta pendidikan sains itu sendiri merupakan usaha-usaha yang akhirnya menjadi nilai tambah (*added value*) ke arah memperbaiki persepsi serta mutu pengajaran dan pembelajaran.

Perubahan sikap juga memainkan peranan di dalam menentukan kelangsungan dan kecemerlangan dasar ini. Jika guru yang terlibat mudah mengalah dan mula menyalahkan sistem sedia ada sebagai penghalang kepada kecemerlangan mereka, maka usaha-usaha untuk memperbaiki nilai ilmu dan pengetahuan guru bagi mempertingkatkan keyakinan dan pengetahuan mereka akan gagal. Oleh yang demikian, sikap memainkan peranan yang penting di dalam membina persepsi dan jati diri guru. Pada masa yang sama, penyeliaan dijalankan untuk terus membimbing dan membantu para guru yang terlibat di dalam memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran mereka.

Manusia memang sukar untuk menerima kritikan sekalipun mereka menyatakan bahawa mereka sedia untuk dikritik. Apa yang jelas, bak kata pepatah Melayu lama 'bagai menarik rambut di dalam tepung, tepung jangan berselerak, rambut jangan putus' adalah langkah terbaik ke arah memastikan dasar ini akan mencapai objektifnya. Oleh itu, penyelidik menjadi orang tengah di antara guru dan murid bagi memastikan kedua-dua belah pihak dapat memainkan peranan secara aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Guru-guru yang terlibat harus diberikan bimbingan dan panduan khususnya semasa mereka berada di dalam kelas sewaktu pengajaran dilakukan. Sebarang kelemahan dicatat dan mereka harus diberitahu bahawa apa yang dinyatakan berdasarkan penyeliaan adalah untuk diperbaiki dan memastikan kelangsungan guru yang mengajar akan mampu memikul tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik dan berkesan. Ia juga bertujuan untuk menanam keyakinan serta memperbaiki potensi diri guru-guru tersebut di masa-masa akan datang.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Hasil daripada penyeliaan awal didapati 20 orang guru yang terlibat di dalam mengajar mata pelajaran Sains Tahun Tiga di 20 buah sekolah rendah di Negeri Sembilan telah tidak dapat memenuhi kehendak sebenar di dalam menyempurnakan tugas mereka bagi mengajar mata pelajaran tersebut di dalam bahasa Inggeris. Di antara kelemahan yang jelas adalah dari segi:

- 3.1 Penyusunan ayat untuk menyampaikan isi pelajaran,
- 3.2 Menyatakan sesuatu terma atau istilah sains yang sebenar secara tepat di dalam bahasa Inggeris
- 3.3 Tidak dapat menyoal atau pun apa yang disoal itu tidak menepati kehendak pengajaran pada hari berkenaan,

4.0 RASIONAL KAJIAN


Guru memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan pelajaran di peringkat pelaksanaan di pusat-pusat pendidikan. Apa lagi di zaman yang serba maju dan canggih ini, pendidikan merupakan elemen yang khusus ke arah pembinaan jati diri, masyarakat berilmu, yang madani serta berketrampilan untuk mencipta kecemerlangan, kejayaan dan kesejahteraan berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Benarlah jika dikatakan bahawa membina murid itu seolah-olah membina sebuah tamadun dan pembinaan tamadun yang maju serta bermaruah sebenarnya bermula di dalam bilik darjah.

Kajian ini cuba melihat bagaimana tindakan yang patut dan perlu diambil mengikut langkah-langkah yang dinyatakan bagi menangani masalah persepsi, keyakinan diri dan kelemahan dari segi persediaan pengajaran dikalangan guru yang terlibat dengan dasar pendidikan sains di dalam bahasa Inggeris. Lantaran itu, pendekatan penyelidikan berfokus dirasakan sesuai digunakan kerana melaluinya guru dan penyelia akan dapat sama-sama bantu-membantu serta mengenal pasti kelemahan dan seterusnya mencari jalan keluar bagi mengatasi masalah berkenaan.

5.0 RANCANGAN TINDAKAN

Rekabentuk kajian ini adalah menggunakan Model Kurt Lewin yang menggunakan prinsip iaitu memerhati untuk mengenalpasti isu, merancang tindakan, melaksanakan tindakan, memerhati perkembangan guru tersebut dan membuat refleksi terhadap tindakan yang telah dilaksanakan.

Aplikasi model penyelidikan adalah seperti berikut;



Rajah 1 : Model Kajian Tindakan (Kurt Lewin)

seperti guru perlu berjumpa dengan penjaga yang datang ke sekolah, menghadiri kursus, mesyuarat, mengendalikan program dan sebagainya.

Sesi berkenaan lebih bersifat perbincangan secara informal tetapi ianya berfokus kepada apa yang dicatat oleh guru di dalam buku rancangan pengajaran mereka. Penyelidik juga cuba membina hubungan yang baik, menyatakan hasrat dan tujuan penyeliaan yang berfokus kepada pengajaran dan pembelajaran dengan niat untuk membantu, membimbing dan memperbaiki serta memberi ruang dan peluang kepada guru-guru tersebut untuk meluahkan pandangan, pendapat, menyatakan masalah serta bertukar-tukar pengalaman bagi memastikan sesi pengajaran akan lebih mantap dan berkesan

Sesi perbincangan di dalam fasa yang pertama ini penting kerana melalui fasa inilah maka guru akan dapat memahami mengapa mereka dipantau dan tujuan penyeliaan/pemantauan berkenaan. Penyelidik tidak mahu wujud salah faham atau rasa bersalah dalam kalangan responden. Penyelidik juga ingin membina hubungan yang baik, berstruktur serta berhemah dengan responden kerana penyelidik percaya bahawa semua orang boleh dibentuk dan berjaya jika diberikan ruang, peluang, bimbingan dan masa yang secukupnya kepada mereka untuk berubah menjadi lebih baik daripada apa yang ada pada mereka pada masa itu. Penyelidik mendapati, apabila sesi pengenalan dan perbincangan itu dibuat secara informal maka ianya telah banyak memberi peluang kepada responden berkenaan untuk meluahkan rasa hati, menyatakan masalah serta memberikan cadangan-cadangan yang kebanyakannya tidak dapat dinyatakan semasa mereka berkursus ETeMS lantaran faktor kekangan masa, rasa malu serta jumlah peserta kursus yang agak ramai.

Penyelidik berhadapan dengan responden yang terdiri daripada guru-guru yang terlatih. Latihan asas yang mereka terima di sepanjang kursus perguruan, pengalaman lampau, pengetahuan sedia ada dan serba sedikit kemahiran yang mereka miliki sebenarnya adalah aset yang amat berharga bukan sahaja kepada sekolah malah kepada bangsa, agama dan negara yang tercinta. Sekali lagi penyelidik yakin bahawa jika kita (golongan pentadbir) mampu menggunakan sumber tenaga yang sedia ada ini sebaiknya dengan cara memberi ruang dan peluang kepada kumpulan berkenaan untuk membuktikan kebolehan mereka dengan syarat ianya difokus dan sentiasa diberikan tumpuan maka melalui sedikit penghargaan yang kita beri itu akan memberi impak yang besar kepada pembinaan manusia dan tamadun itu sendiri.

Penyelidik membina jadual penyeliaan yang bersifat berfokus berdasarkan elemen dan keperluan seperti berikut;



- e. Saya tidak mengharapkan BISP sebanyak 10%, berilah kepada yang memerlukannya.
- f. Murid saya budak kampung, mereka tidak mahir berbahasa Inggeris.
- g. Ini sekolah kampung encik, bukan bandar jadi mereka tak mampu berbahasa Inggeris.
- h. Bukankah bahasa Inggeris itu boleh mahir jika mereka berkomunikasi selalu. Di sekolah ini dengan siapa hendak berkomunikasi? Mana ada yang tahu berbahasa Inggeris, mana ada orang putih?

Semua pandangan penyelidik merupakan helah bela diri yang menjadi dinding tebal menghalang minda dan seterusnya membantutkan usaha-usaha ke arah memperbaiki diri, membina potensi serta 'mencari' kecemerlangan di dalam minda setiap responden.

Di sini penyelidik memainkan peranan dengan memberikan suntikan semangat, kepercayaan dan keyakinan kepada responden bahawa 'di mana ada jalan maka di situ ada kejayaan'. Pada responden, guru adalah model terdekat kepada murid-murid maka guru harus berani berubah, berani mencuba dan berani membina pembaharuan selagi mana semua yang dilakukan itu tidak menyimpang dari landasan yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diterima bersama.

Penyelidik telah membuat pemilihan secara rawak terhadap 20 buah sekolah di seluruh Negeri Sembilan di bawah empat Pejabat Pelajaran Daerah. Tumpuan penyelidik adalah kepada 20 orang guru yang mengajar mata pelajaran Sains di Tahun Tiga sekolah-sekolah berkenaan. Jika sekolah tersebut mempunyai lebih daripada seorang guru yang mengajar mata pelajaran berkenaan, maka pemilihan guru berkenaan juga dibuat secara rawak. Penyelidik menggunakan borang penyeliaan yang disediakan sendiri bagi memastikan penyeliaan dibuat secara berfokus, mudah disemak dan sama dengan ke semua responden. Soalan-soalan secara lisan di dalam temubual dengan responden berfokus kepada empat elemen utama iaitu;

- a. Apakah cikgu meneliti Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran sebelum membina rancangan pengajaran?
- b. Apakah cikgu menyediakan senarai kosa kata (*vocabulary*) yang ada hubungan dengan isi pelajaran pada hari berkenaan serta skrip ringkas ke arah memahirkan guru untuk berinteraksi dengan murid?
- c. Apakah cikgu telah meneliti bahan sumber manakah yang mudah dan ringkas digunakan untuk menyokong dan membantu pengajaran pada hari berkenaan?
- d. Apakah cikgu menyemak kembali / membuat senarai semak kelemahan-kelemahan yang ada di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran yang cikgu lakukan?

Pada fasa yang kedua, penyelidik telah memberikan tumpuan kepada keempat-empat fokus yang telah dinyatakan. Penyelidik akan hadir awal ke sekolah-sekolah tersebut dan set masa pengajaran telah dibuat dengan berbincang dengan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan Akademik yang menguruskan jadual waktu sekolah. Sebagai contoh, bagi Sekolah A, penyelidik telah sampai di sekolah berkenaan kira-kira jam 7.30 pagi. Perbincangan awal dibuat dengan responden A di antara jam 7.45-8.30 pagi manakala mulai jam

- Fokus 1 : Penyediaan buku rancangan pengajaran harian.
- Fokus 2 : Temuramah guru sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran.
- Fokus 3 : Sesi pengajaran dan pembelajaran
- Fokus 4 : Perbincangan dengan guru selepas sesi pengajaran dan pembelajaran.

Pada Fasa yang ketiga, iaitu selepas dua bulan penyeliaan berfokus dijalankan maka penyelidik telah melakukan penyeliaan yang sama seperti mana di dalam Fasa 2. Semua aspek perbincangan dan tindakan juga dibuat seperti sebelum ini. Fokus kali ini lebih melihat kepada kekuatan guru dan kelemahan yang masih wujud. Guru-guru didapati telah mula menunjukkan perubahan dari segi persepsi terhadap mata pelajaran dan proses pengajaran, kesediaan dan persediaan mengajar serta keupayaan untuk menyampaikan isi pelajaran di dalam bahasa Inggeris.

Pada Fasa keempat dan kelima, perubahan dari segi sikap dan proses pengajaran dan pembelajaran telah banyak berubah. Di dalam tempoh lima bulan proses penyeliaan berfokus dilakukan maka responden semakin menunjukkan kesungguhan dan keinginan untuk memperbaiki amalan pengajaran mereka.

Jadual 3 : Pelan Penyeliaan Berfokus Fasa 3 Bulan Mei 2005

Bil	Nama sekolah	Penyeliaan	Fokus 1	Fokus 2	Fokus 3	Fokus 4
1	A	3	/	/	/	/
2	B	3	/	/	/	/
3	C	3	/	/	/	/
4	D	3	/	/	/	/
5	E	3	/	/	/	/
6	F	3	/	/	/	/
7	G	3	/	/	/	/
8	H	3	/	/	/	/
9	I	3	/	/	/	/
10	J	3	/	/	/	/
11	K	3	/	/	/	/
12	L	3	/	/	/	/
13	M	3	/	/	/	/
14	N	3	/	/	/	/
15	O	3	/	/	/	/
16	P	3	/	/	/	/
17	Q	3	/	/	/	/
18	R	3	/	/	/	/
19	S	3	/	/	/	/
20	T	3	/	/	/	/



7.2 Persediaan pengajaran:

Sebelum Penyeliaan berfokus	Selepas Penyeliaan berfokus
a. Tidak disediakan dengan baik. b. Tidak ada petunjuk yang jelas dari segi objektif pengajaran. c. Bahan sumber kurang sesuai dengan topik/isi pelajaran.	a. Disediakan dengan baik. b. Objektif pengajaran jelas c. Bahan sumber pengajaran sesuai dan didapati mampu menambah pengetahuan murid / membantu kefahaman murid.

Penyelidik memikirkan bahawa dengan sedikit perubahan yang ditunjukkan ini telah berjaya membawa kepada satu bentuk perubahan yang bersifat kolektif, berfokus dan menjurus kepada kehendak bagi mencapai objektif pengajaran itu sendiri. Inilah yang penting kerana sesi pengajaran dan pembelajaran berpaksi kepada objektif pengajaran dengan matlamat yang satu iaitu mengharapkan murid belajar daripada apa yang akan guru ajar pada hari dan masa yang berkenaan. Proses pengajaran dan pembelajaran tidak bermakna menghabiskan sukatan sedia ada semata-mata sebaliknya menuntut perubahan kepada sikap, persepsi, pengetahuan dan pembinaan jati diri murid yang saling lengkap melengkapi dari segi jasmani, emosi, rohani dan inteleknya.

8.0 CADANGAN

Penyelidik telah memanjangkan hasil kajian ini kepada ke semua 20 orang Guru Besar sekolah-sekolah yang berkenaan di dalam satu mesyuarat rasmi yang diadakan di dalam bulan Ogos 2005. Melalui mesyuarat berkenaan penyelidik telah menyatakan hasil penyeliaan berfokus tersebut dan menyatakan bahawa selanjutnya, penyeliaan dari semasa ke semasa perlu dilakukan oleh pentadbir sekolah bukan sahaja kepada kelompok responden berkenaan sebaliknya kepada semua guru yang terlibat di sekolah mereka. Pada penyelidik, sesuatu penyeliaan itu haruslah melihat kepada empat elemen yang telah dinyatakan iaitu;

- Fokus 1 : Penyediaan rancangan pengajaran harian.
- Fokus 2 : Temuramah guru sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran.
- Fokus 3 : Sesi pengajaran dan pembelajaran.
- Fokus 4 : Perbincangan dengan guru selepas sesi pengajaran dan pembelajaran.

Selanjutnya di dalam perbincangan yang diadakan, pihak-pihak yang boleh membantu seperti Guru Besar, Guru Penolong Kanan Akademik, Guru Media (dulunya Guru Pusat Sumber) dan lain-lain lagi bolehlah dipanggil bersama kerana melalui perbincangan tersebut sekiranya guru berkenaan memerlukan sokongan tambahan seperti pembelian bahan sumber yang sesuai dengan kelompok pelajar, keadaan bilik darjah yang perlu dipertingkatkan, keperluan pengajaran yang mungkin telah rosak dan perlu diperbaiki dan lain-lain lagi boleh ditimbulkan dan diambil tindakan segera.



RUJUKAN

- Tan Sri Dr Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (1996), *Ucaputama Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan 1995*, Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan 1995, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (1996). Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan (2006). Prosiding Seminar Penyelidikan IPRM 2006 dengan kerjasama, Institut Perguruan Raja Melewar, Seremban.